

27/01/2002

Operasi besar-besaran buru semua pendatang tanpa izin

Hassan Omar

ALOR STAR: Operasi besar-besaran Kementerian Dalam Negeri (KDN) terhadap pendatang tanpa izin bukan setakat tertumpu kepada rakyat Indonesia, malah warga asing lain, khususnya rakyat Filipina di Sabah.

Timbalan Menterinya, Datuk Chor Chee Heung, berkata operasi bersepadu membabitkan polis, Jabatan Imigresen dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) akan turut ditumpukan kepada rakyat Filipina, Thailand, Nepal, Myanmar dan Bangladesh yang membanjiri negara ini.

Beliau berkata, di Sabah saja ada kira-kira 30,000 pendatang tanpa izin, kebanyakannya dari Filipina yang membina penempatan haram di beberapa kawasan, menyebabkan berlaku masalah sosial yang mengancam ketenteraman awam.

Katanya, operasi itu sememangnya dilaksanakan dari semasa ke semasa tetapi berikutan rusuhan pekerja asing di Nilai dan Dengkil, minggu lalu, operasi berkenaan diperhebatkan.

"Sebelum ini, agensi penguatkuasaan undang-undang kementerian memang menjalankan operasi dari semasa ke semasa tetapi dengan perkembangan sejak dua minggu lalu, KDN memberikan arahan operasi ini diperhebatkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan wang tunai dan hamper pelbagai bahan makanan sumbangan Sport Toto kepada 250 anggota masyarakat berpendapatan rendah, di sini semalam.

Chor berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin yang mahukan operasi besar-besaran dilakukan di seluruh negara bagi mengesan pendatang tanpa izin Indonesia supaya dapat dihantar pulang segera.

Menurut Perdana Menteri, memandangkan jumlah rakyat Indonesia terlalu ramai di negara ini, usaha mengenal pasti dan penghantaran pulang akan dilakukan secara berperingkat.

Chor berkata, agensi penguatkuasaan undang-undang akan memastikan pendatang tanpa izin yang ditahan dalam operasi berkenaan mampu dihantar pulang dengan segera bagi mengelakkan mereka merusuh akibat ditahan terlalu lama di pusat tahanan sementara di seluruh negara.

Sementara itu, ditanya mengenai tindakan 28 pendatang tanpa izin Rohingya dan empat rakyat Afghanistan yang meminta suaka politik daripada Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR), kelmarin, Chor berkata, kerajaan tidak akan mencampuri hal ehwal dalaman negara asing.

Katanya, walaupun perkara itu dikendalikan Kementerian Luar, beliau yakin kerajaan tidak akan memberikan suaka politik kepada mereka, sejajar dasar kerajaan tidak menggalakkan rakyat asing berbuat demikian di negara ini.

"Malaysia jarang memberi suaka politik. Saya tidak pasti sama ada UNHCR boleh memberikan suaka politik.

"Kerajaan kita memang tidak menggalakkan orang asing datang ke negara ini untuk meminta suaka politik. Ini bukan cara pentadbiran kita," katanya.

Pagi kelmarin, rakyat Myanmar dan Afghanistan terbabit, memasuki pejabat UNCHR di Bukit Petaling, Kuala Lumpur berikutan operasi polis terhadap pendatang tanpa izin.

(END)